

1981  
LABUAN, 17 FEB (BE BERNAMA) — INDUSTRI-INDUSTRI MALAYSIA HANYA BOLEH MENGHARAPKAN PERLINDUNGAN KERAJAAN DARI AMALAN NEGARA ASING YANG TIDAK ADIL TETAPI TIDAK KERANA KELEMAHAN MEREKA SENDIRI, KATA PEMANGKU PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, JIKA SESUATU INDUSTRI MENGELUARKAN BARANG-BARANG BERHARGA TINGGI BERPUNCA DARI KELEMAHAN DAN PENYELEWENGAN PENGURUSAN DAN PERANCANGAN, INDUSTRI ITU TIDAK BOLEH MENGHARAPKAN PERTOLONGAN KERAJAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN DUA SYARIKAT SABAH — SEHAT SDN. BHD., SYARIKAT MENGELUARKAN BAHAN TENUSU DAN SABAH FLOUR AND FEEDMILL SDN. BHD.

BELIAU BERKATA KERAJAAN MENGALU-NGALU DAN MENGGALAKKAN PENUBUHAN INDUSTRI BARU SAMA ADA BESAR ATAU KECIL KERANA INI AKAN MEMBANTU KERAJAAN MEMPERCEPATKAN LAGI MATLAMAT PERINDUSTRIAN NEGARA.

BAGAIMANAPUN, INDUSTRI-INDUSTRI HENDAKLAH BERDAYA MAJU DAN TIDAK MENYUSahkan KERAJAAN.

BELIAU MEMBERI JAMINAN KERAJAAN AKAN MELINDUNGI INDUSTRI TEMPATAN YANG DITINDAS OLEH SYARIKAT ASING SEPERTI AMALAN PERDAGANGAN YANG TIDAK SEIMBANG.

SEBALIKNYA PENGGUNA-PENGGUNA HENDAKLAH BERUPAYA UNTUK MEMBAYAR LEBIH UNTUK BARANG-BARANG TEMPATAN KALAU DIBANDINGKAN DENGAN YANG DIIMPOT, KATANYA.

MENGENAI SYARIKAT SABAH FLOUR AND FEEDMILL SDN. BHD., DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEJAYAAN USAHASAMA ANTARA PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI SABAH DAN SARAWAK ADALAH SATU TANDA KE ARAH INTEGRASI KEBANGSAAN MELALUI PERBADANAN NEGERI. — BERITA EKONOMI BERNAMA 2033/LK